

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

## BSN, Bank Rakyat tangguh sementara bayar pinjaman

**Kuala Lumpur:** Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Rakyat mengumumkan tawaran penangguhan sementara pembayaran pinjaman bagi pelanggan, iaitu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas akibat penularan jangkitan coronavirus baru (2019-nCoV).

"Kami memahami keadaan pelanggan kami yang terdiri daripada pengusaha perniagaan yang mungkin terjejas kerana tidak dapat berurusan dengan pembekal tertentu akibat penularan penyakit ini, terutama di negara yang berisiko," kata Ketua Eksekutif BSN, Datuk Yunos Abd Ghani dalam kenyataan, semalam.

"Kami menyeru kepada mereka yang terabit hadir dan berbin-cang dengan BSN bagi memastikan kelangsungan perniagaan mereka, di samping memastikan fasiliti kemudahan dinikmati dengan sebaik mungkin. Sebagai sebuah bank yang prihatin, BSN sentiasa memastikan keperluan pelanggan diutamakan," katanya.

Pelanggan boleh hadir di mana-mana Cawangan BSN berhampiran untuk perbincangan atau menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan BSN di 300-88-1900 bagi keterangan lanjut.

Sementara itu, dalam satu kenyataan berasingan, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat, Datuk Rosman Mohamed turut meminta pelanggan yang terjejas untuk tampil di mana-mana cawangan Bank Rakyat bagi menangani masalah kewangan yang dihadapi akibat penularan jangkitan itu.

"Ini waktu yang mencabar bagi komuniti dan ekonomi global. Kami sentiasa memikirkan mereka yang terjejas akibat penularan coronavirus ini."

"Untuk sebarang maklumat atau bantuan, pelanggan boleh hubungi Pusat Panggilan tele-Rakyat di 1-300-80-5454 atau kunjungi coranavirus berdekatan," katanya.

Coronavirus baru yang mulai dikesan pada Disember 2019 di Wuhan, China, boleh menyebabkan radang paru-paru dan sudah mencatatkan jumlah lebih 700 kes matian di negara itu.

**Kami memahami keadaan pelanggan kami yang terdiri daripada pengusaha perniagaan yang mungkin terjejas.**

**Yunos Abd Ghani,  
Ketua Eksekutif BSN**

*Penularan coronavirus*

# Sektor perniagaan terkesan

**Maklumat Kementerian Pelancongan dapat jumlah pendapatan sektor turun**

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sektor perniagaan di negara ini mengalami tempias daripada penularan coronavirus baru (2019-nCoV), kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan bagaimanapun kerajaan setakat ini tidak menerima aduan atau laporan rasmi berhubung impak jangkitan berkenaan terhadap perniagaan tempatan.

Katanya, penelitian umum mendapati industri perhotelan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta rumah inap berdepan kekurangan pelanggan.

Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Pelancongan, jumlah pendapatan dari segi pe-



**Dr Wan Azizah mempengerusikan Mesyuarat Khas High Level Committee (HLC) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat Berhubung Kluster Penyakit Novel Coronavirus (2019-nCoV) di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo.**

(Foto BERNAMA)

lancangan menurun daripada RM230,000 kepada RM41,000 disebabkan 2019-nCoV," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Situasi Terkini Coronavirous (2019-nCoV) di Kementerian Kesihatan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah.

Sehingga semalam, tujuh di-sahkan positif 2019-nCoV, 84 negatif, manakala lima kes masih

menunggu pengesahan.

Dr Wan Azizah berkata, kerajaan tidak bercadang mengenakan sekatan terhadap semua pelawat warganegara China kecuali dari Wilayah Hubei, termasuk bandar Wuhan sebagai langkah mencegah 2019-nCoV.

Menurut beliau, tiada keperluan untuk membuat sekatan perjalanan menyeluruh.

Katanya, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) turut meminta supaya negara tidak menyekat sepenuhnya kemasukan warga-

negara China meskipun WHO mengumumkan coronavirus baharu sebagai darurat kesihatan awam global.

"Di Malaysia, coronavirus masih dalam keadaan terkawal dan kita tidak mahu ia memberi kesan negatif kepada kepada ekonomi negara.

"Kerajaan sentiasa bersiap sejaya untuk bertindak mengikut keperluan dan memantau pintu masuk negara bagi mengawal penularan coronavirus," katanya.

## Lelaki warga China dibenar pulang



**Dr Noor Hisham Abdullah**

**Putrajaya:** Lelaki warganegara China yang sebelum ini dimasukkan ke Hospital Permai, Johor selepas dijangkiti coronavirus baru, dibenarkan pulang semalam apabila disahkan bebas daripada wabak berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pesakit itu pada mulanya ditempatkan di hospital pada 24 Januari lalu, selepas didapati mempunyai gejala demam panas dan radang paru-paru.

Katanya, keadaan pesakit kemudian bertambah tenat pada hari kedua di wad pengasingan hospital terabit, sehingga petugas perubatan terpaksa memberikan bantuan oksigen.

"Kajian sinar X pada hari keempat menunjukkan tanda jangkitan bertambah tenat. Justeru, hospital memulakan rawatan dengan ubat antiviral Kaletra pada 28 Januari lalu.

"Selepas lapan hari rawatan, keadaan pesakit bertambah baik dan sembah sepenuhnya. Terkini keputusan ujian ulangan kali ketiga didapati negatif, selepas ujian pertama dan kedua juga didapati negatif.

"Pesakit seterusnya akan dibenarkan pulang pada petang ini (semalam). Alhamdulillah, tahnia kepada pasukan perubatan

yang diketuai Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit, Dr Masliza Zaid," katanya dalam kenyataan, semalam.

Selasa lalu, seorang kanak-kanak perempuan warga China di Langkawi yang sebelum ini positif coronavirus, didapati pulih dan bebas sepenuhnya daripada jangkitan lain, justeru sebarang perkembangan lanjut akan diumumkan kemudian.

Sementara itu, 69 orang yang dipercayai mempunyai kontak rapat dengan lelaki rakyat Malaysia pertama dijangkiti coronavirus, Dr Wan Azizah yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat menjelaskan situasi Malaysia masih dalam keadaan terkawal.

Katanya, hal itu kerana Malaysia setakat ini tidak mempunyai kes sporadic atau penyebaran coronavirus sesama rakyat di negara ini seperti yang berlaku di

ruskan pengesahan kontak, termasuk menerusi kerjasama dengan kerajaan Singapura, katanya pada sidang media harian berhubung situasi terkini coronavirus, di sini, semalam.

Pada 4 Februari lalu, Kementerian Kesihatan mengesahkan lelaki berusia 41 tahun dari Selangor menjadi rakyat Malaysia pertama dijangkiti coronavirus, selepas mempunyai sejarah perjalanan ke Singapura pada 16 hingga 22 Januari lalu.

Dr Wan Azizah berkata, pengeasan kontak bagi kes membatik lelaki rakyat tempatan itu turut meliputi lima individu warganegara lain, justeru sebarang perkembangan lanjut akan diumumkan kemudian.

Mengenai langkah Singapura menaikkan Amaran Kedudukan Sistem Tindak Balas Perebakkan Penyakit (DOSCON) dari tahap kuning ke jingga bagi membendung penularan coronavirus, Dr Wan Azizah yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat menjelaskan situasi Malaysia masih dalam keadaan terkawal.

Katanya, hal itu kerana Malaysia setakat ini tidak mempunyai kes sporadic atau penyebaran coronavirus sesama rakyat di negara ini seperti yang berlaku di

Singapura.

Dr Wan Azizah berkata, Pusat Kesapsialaan dan Tindak Cepat Krisis Negara (CPRC) merekodkan pertambahan satu kes baharu jangkitan coronavirus.

Katanya, kes membatik warganegara China berusia 67 tahun, iaitu ibu kepada kawan rakyat republik terbatit yang dilaporkan positif pada 6 Februari lalu.

Beliau berkata, wanita warga emas itu mulanya diarahkan untuk tidak ke mana-mana bagi menjalani perintah pengawasan dan pemantauan, selepas beliau didapati mempunyai kontak rapat dengan kes positif ke-14.

"Beliau kini dilaporkan stabil," katanya.

Setakat ini, jumlah keseluruhan kes coronavirus di negara ini ialah 16 kes, iaitu tujuh dalam kalangan kes disyaki (PUI) jangkitan, kontak rapat (tujuh) dan dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang menerusi misi bantuan kemanusiaan (dua).

Mengulas perkembangan empat rakyat Malaysia yang disahkan dijangkiti coronavirus, Dr Wan Azizah menjelaskan semua pesakit masih diberikan rawatan dan dipantau oleh Kementerian Kesihatan, selain berada dalam keadaan stabil.

**AKHBAR : BERITA HARIAN****MUKA SURAT : 8****RUANGAN : NASIONAL**

## Salam cara Malaysia, kerap cuci tangan elak jangkitan

**Ipoh:** Orang ramai disaran mengelakkan bersalaman secara ber-sentuhan, sebaliknya menggunakan pendekatan 'salam cara Malaysia' iaitu meletakkan tangan di dada sebagai langkah pencegahan bagi mengurangkan penularan coronavirus 2019 (2019-nCoV).

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata cara berkenaan perlu diberi perhatian berikutan virus itu boleh berjangkit melalui sentuhan dan tidak melalui udara.

Beliau berkata, amalan 'salam cara Malaysia' antara langkah pencegahan yang perlu diamalkan, selain kerap mencuci tangan.

"Apabila pesakit batuk, virus yang keluar (mungkin berada) di atas meja, lif dan sebagainya boleh bertahan beberapa jam dan apabila menyentuh kawasan berkenaan, ada kemungkinan mendapat jangkitan penyakit."

"Jadi, kita mencadangkan beberapa perkara antaranya kerap membasuh tangan, memakai cair pembasmi kuman atau mengelak menyentuh muka dengan tangan."

"Saya juga mencadangkan kalau boleh kurangkan sedikit bersalaman secara ber-sentuhan tangan," katanya yang ditemui ketika sambutan Thaipusam di Kuil Gunung Cheroh di sini, semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : DUNIA

## NCP nama sementara coronavirus

**China:** Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China mengumumkan nama rasmi sementara bagi coronavirus, iaitu novel coronavirus pneumonia atau singkatannya NCP.

Nama baharu wabak itu diumumkan pada sidang media, semalam.

Menurut suruhanjaya berkenaan, nama itu boleh digunakan jabatan kerajaan dan organisasi di China sehingga nama tetap wabak ditentukan kemudian.

Ia diputuskan Jawatankuasa Antarabangsa Mengenai Virus Taxonomi.

Selepas diputuskan, nama itu dihantar untuk jurnal saintifik dan jawatankuasa berharap akan membuat pengumuman mengenai hal berkenaan beberapa hari lagi.

Terdahulu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjelaskan sedang meneliti penamaan virus baharu itu bagi mengelak stigma buruk terhadap bandar raya Wuhan yang menjadi tempat bermula penularan coronavirus.

WHO yang sebelum ini mengisyihar darurat kesihatan global susulan penularan virus itu menamakan ia penyakit pernafasan akut 2019-nCoV. AGENSI

AKHBAR : METRO AHAD  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : LOKAL

**lokal****6 HERO VIRUS MAUT****RELA GADAI NYAWA SENDIRI**

*Getir selama 17 jam di sebalik operasi selamat rakyat Malaysia di wilayah wabak Wuhan didedah*

**JASON****IBRAHIM****NIK MAZAID****ZAITIE****PERJALANAN PASUKAN PENINJAU EVAKUASI RAKYAT MALAYSIA**

**29 JANUARI**  
 Pengumuman daripada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai evakuasi rakyat Malaysia dari Wuhan, China.

**GETIR  
17 JAM**



1



2



3



4



5



6



2



3



4



5



6

**31 JANUARI**

Pengumuman oleh Duta Besar Malaysia ke China, Raja Datuk Nushirwan Zainal Abidin mengenai pasukan peninjau selepas mendapat pengesahan mengenai pesawat AirAsia.

**1 FEBRUARI**

Pasukan peninjau bergerak dari Beijing ke Wuhan menaiki kenderaan pelbagai guna (MPV).

**2 FEBRUARI**

Tiba di hotel di Wuhan untuk persiapan akhir sebelum penerbangan pulang.

**3 FEBRUARI**

Proses mengumpulkan rakyat Malaysia sebelum bergerak ke Terminal Tiga Lapangan Terbang Antarabangsa Tianhe menaiki lima bas.

**4 FEBRUARI**

Penerbangan menggunakan pesawat AirAsia AKB265 berlepas dari Wuhan jam 1.10 pagi dan tiba di KLIA jam 5.57 pagi.



Wu Xian Bei  
Lebuhraya Da Guang Hebei

Daerah Chuanhui,  
Zhoushou City, Henan

Lebuhraya Daguang,  
Hueshan Town, Xinyang City, Henan

Huang Gang,  
Ma Cheng City, Henan

Wuhan,  
Wilayah Hubei

**AKHBAR : METRO AHAD**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : LOKAL**

Metro Ahad | 09.02.2020

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 3

**lokal**

PASUKAN peninjau berada dalam pesawat AirAsia ketika penerbangan pulang ke tanah air.

Oleh Ekhwan Haque  
 Fazlul Haque  
 ekhwan@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**L**ima sekatan jalan raya dan 17 jam perjalanan darat terpaksa ditempuh pasukan peninjau dari Beijing ke Wuhan dalam misi mengumpul dan menyelamatkan rakyat Malaysia yang terperangkap di bandar yang bermulanya penularan wabak koronavirus baru.

Bukan itu saja, pasukan itu hanya mempunyai masa terhad untuk membuka sekretariat, mengagihkan bekalan makanan, mendapatkan pelepasan penerbangan pesawat, menguruskan pasport dan memastikan semua rakyat Malaysia yang berada di Wuhan mendapat akses perjalanan di jalan raya daripada pihak berkuasa rentetan perintah berkurang dikeluarkan kerajaan China.

Enam ahli pasukan peninjau layak digelar wira itu terdiri daripada Menteri Penasihat Kedutaan yang juga Ketua Delegasi Samsul Kahar Kamarudin dibantu Nik Mazaid Nik Man (Jabatan Kastam Diraja Malaysia), Ibrahim Jack (jabatan Imigresen Malaysia), Nur Zaitie Suhana Zakaria (Setiausaha Pertama), Jason Choy Min Sheng (Setiausaha Pertama Pendidikan) dan Mohd Syahmi Md Yusoff (Polis Diraja Malaysia).

Kecekapan dan komitmen itu keenam-enam ahli pasukan peninjau yang dipilih sendiri Duta Besar Malaysia ke China Raja Datuk Nushirwan Zainal

## Hubungan diplomatik baik bantu misi

**Kuala Lumpur:** "Saya percaya kerjasama pasukan mampu mengimbangi sebarang kemungkinan kerana kebijakan rakyat Malaysia dalam menghadapi situasi di Wuhan menjadi keutamaan," kata Duta Besar Malaysia ke China, Raja Datuk Nushirwan Zainal Abidin.

Beliau berkata, pasukan peninjau adalah wira sebenar dalam menjayakan misi ini walaupun perlu berdepan risiko.

Katanya, setiap pegawai Wisma Putra yang ditugaskan di luar negara sedar terdapat kemungkinan luar jangka yang boleh berlaku dan memerlukan pelan tindakan awal bagi menangani situasi itu. Menurutnya, mengenal pasti rakyat Malaysia yang berada di Wuhan dan

sekitarnya antara cabaran besar pegawai kedutaan kerana pangkalan data yang dimiliki tidak mempunyai maklumat terkini.

"Kedutaan menggunakan pendekatan menyebarkan senyataan mengandungi maklumat yang boleh dihubungi rakyat Malaysia melalui media sosial.

"Rakyat Malaysia secara umumnya jarang mendaftar dengan kedutaan negara yang dikunjungi walaupun ada kemudahan e-portal di laman web Kementerian Luar," katanya.

Katanya, keputusan kerajaan China menghentikan mod pengangkutan termasuk darat menyuarakan pihaknya menyediakan kenderaan kepada mereka yang berada di luar Wuhan untuk dibawa ke bandar itu.

"Namun, hubungan diplomatik erat antara Malaysia dan China membolehkan permit perjalanan diperoleh memberkan rakyat Malaysia dikumpulkan di lapangan terbang.

"Kerjasama peringkat antarabangsa yang baik berjaya menyelesaikan misi ini serta hubungan baik antara Malaysia dan China membolehkan setiap perancangan berjalan lancar," katanya.



NUSHIRWAN  
 Abidin bagi melaksanakan misi getir yang jelas merisikokan diri sendiri kepada jangkitan yang boleh membawa kematian itu bagaimanapun dilaksanakan dengan jayanya.

Berkongsi cabaran itu, Samsul Kahar berkata, dia dan lima lagi ahli pasukannya yang dipilih sendiri Nushirwan mengakui perasaan bercampur baur antara bimbang dan tanggungjawab kepada negara kerana tidak mengetahui secara jelas situasi sebenar di Wuhan.

Menurutnya, di sebalik kebimbangan itu, pasukan peninjau tetap bersemangat

untuk menggalas tanggungjawab demi keselamatan rakyat Malaysia yang berada di Wuhan dan China secara keseluruhanya.

"Kami anggap mereka (rakyat Malaysia) seperti saudara sendiri walaupun wujud kebimbangan dalam diri untuk berdepan dengan 'musuh' yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

"Walaupun kepenatan dan masa tidur terhad, pasukan peninjau memiliki ketahanan mental yang tinggi kerana dalam tempoh singkat keputusan segera perlu dibuat untuk menjayakan misi," katanya

kepada Metro Ahad. Bercerita lanjut, Samsul Kahar berkata, misi menyelamat itu bermula jam 10.30 pagi, 1 Februari lalu dengan menaiki tiga kenderaan pelbagai guna (MPV) dari Beijing ke Wuhan.

"Kami terpaksa tempuh perjalanan sejauh 1,200 kilometer dan mengambil masa selama 17 jam untuk tiba di Wuhan. Mod pengangkutan darat saja yang dibenarkan di wilayah Hubei termasuk Wuhan.

"Untuk sampai ke Wuhan, lima sekatan jalan raya dan pemeriksaan sekuriti ketat perlu dilepasi. Cuaca pula



BALACHANDAR sekeluarga sebelum keluar dari Wuhan.



Kesungguhan pegawai kedutaan menghubungi rakyat Malaysia di Wuhan dan kawasan terjejas sangat dihargai di samping mereka sanggup merisikokan diri untuk pastikan saya dan keluarga berjaya dibawa pulang ke Malaysia dengan selamat. Bukan satu misi yang mudah tambahan perlu berdepan dengan ancaman wabak maut, namun komitmen ditunjukkan pihak yang terbabit layak diberikan penghormatan"

*Penuntut Doktor Falsafah Geokimia,  
 Universiti Geosains China (Wuhan), S Balachandar, 43.*



Pelancang, Reen, 27.

sangat sejuk dengan di bawah tiga hingga lapan darjah Celsius cukup menguji ketahanan fizikal kami semua," katanya.

Katanya, sebaik tiba di Wuhan, pasukannya hanya berhati-hati selama empat jam saji sebelum membuka sekretariat ataupun bilik operasi.

"Kami bawa tiga kenderaan, dua dinaiki pasukan manakala satu MPV diisi dengan makanan, minuman dan dokumentasi. Selepas sekretariat dibuka, kami mula menghubungi semua rakyat Malaysia di Wuhan memaklumkan kehadiran pasukan yang akan menyelaraskan pergerakan untuk membawa mereka pulang ke Malaysia dengan menaiki pesawat khas."

"Berpusu-pusu rakyat Malaysia datang ke sekretariat untuk mendaftarkan diri. Alhamdulillah, kerjasama baik mereka (rakyat

Malaysia) di Wuhan menjayakan misi membawa pulang 107 individu terdiri daripada 87 rakyat Malaysia dan 20 bukan warga negara," katanya.

Menurutnya, debaran amat kuat terasa ketika dia dan pasukannya menguruskan rakyat Malaysia daripada hotel ataupun rumah masing-masing ke Lapangan Terbang Antarabangsa Tianhe di Wuhan kerana kebencanaan atau kelulusan mereka tidak boleh berada di jalan raya.

"Kerjasama baik daripada kerajaan China akhirnya menjayakan misi itu. Penerbangan pulang jam 1.10 pagi dari Wuhan mengakhiri misi penuh getir itu. Tahniah kepada ahli pasukan yang memang bekerja keras sepanjang misi."

"Terima kasih juga kepada duta yang memberi kepercayaan kepada kami untuk menjayakan misi berkenaan," katanya.

AKHBAR : METRO AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

## Pas khas pelancong China terkandas

**Petaling Jaya:** Pelancong warga China yang mempunyai masalah kesihatan atau gagal mendapatkan penerbangan keluar dari negara ini akan diberikan pas khas selepas mendapat perakuan daripada Kedutaan China.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Datuk Khairul Dzamee Daud berkata, tindakan sekat perjalanan dikenakan terhadap pelancong dari Hubei termasuk Wuhan, China korban penularan koronavirus baharu.

"Bagi pelancong yang berada dalam negara, visa mereka tidak akan dilanjutkan kecuali mempunyai masalah kesihatan atau gagal mendapat penerbangan keluar."

"Mereka (pelancong) mesti datang ke pejabat JIM bersama tiket penerbangan keluar dan mendapat perakuan daripada Kedutaan China untuk memohon pas khas berkenaan," katanya pada sidang media selepas mengetui operasi di sebuah pangaspuri di Ara Da-

mansara, di sini, semalam. Beliau berkata, ia berkuat kuasa sejak 27 Januari lalu.

"Mereka yang menerima pas khas akan diberi tempoh dua minggu atau 30 hari mengikut tarikh penerbangan keluar," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan sekatan perjalanan ke Malaysia dikenakan ke atas pelawat China dari Hubei termasuk Wuhan akan diperluaskan meliputi wilayah lain selepas dikenakan sekatan pergerakan keluar masuk *lockdown* oleh kerajaan China.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam satu kenyataan memaklumkan langkah itu diputuskan selepas mengambil kira status semasa berhubung wabak koronavirus baharu.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara memaklumkan JIM akan mengambil tindakan sekat perjalanan sebaik sahaja kerajaan China mengisyaratkan *lockdown* di sesebuah wilayah.

### RINGKAS

#### Perluas perintah larangan sementara

**Kota Kinabalu:** Sabah memperluaskan lagi perintah larangan sementara untuk sekat perjalanan pelancong ke negeri itu susulan penularan wabak koronavirus baharu.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Christina Liew berkata, langkah diambil selepas dipersetujui Kabinet negeri sebagai menunjukkan pendirian Sabah dalam menangani penularan wabak.

Antaranya, warga asing dan rakyat Malaysia yang bukan berasal dari Sabah dan mempunyai rekod perjalanan ke China dalam tempoh 14 hari tidak dibenarkan memasuki negeri itu.

#### Pesakit ke-4 pulih sepenuhnya

**Kuala Lumpur:** Pesakit keempat yang dijangkiti koronavirus baharu yang sebelum ini tenat sembuh selepas dirawat dengan ubat antiviral kalestra (off-label use).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pesakit itu dimasukkan ke Hospital Permai, Johor Bahru pada 24 Januari lalu selepas mengalami gejala demam panas dan radang paru-paru pneumonia.

Menurutnya, keadaan pesakit itu bertambah tenat pada hari kedua di wad isolasi hingga memerlukan bantuan oksigen.

"Kajian sinar X pada hari keempat menunjukkan tanda jangkitan bertambah tenat."

"Pihak hospital memulakan rawatan dengan ubat antiviral kalestra (off-label use) pada 28 Januari 2020 di mana selepas lapan hari rawatan, keadaan pesakit bertambah baik dan sembuh sepenuhnya," katanya dalam kenyataan, semalam.



SEORANG Jururawat dalam sut perlindungan menyuarap pesakit koronavirus baharu di wad isolasi di Hospital Zhongnan, University Wuhan, semalam.

## MALAYSIA CATAT MANGSA KE-16

Seorang lagi pelancong China disahkan positif koronavirus baharu



Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

Putrajaya

**P**ertambahan satu kes positif terbaru, semalam menjadikan jumlah pesakit koronavirus baharu sebanyak 16 kes membabitkan empat rakyat Malaysia dan 12 warganegara China.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, kes terbaru itu membabitkan seorang pelancong China berumur 67 tahun

iaitu ibu kepada kawan kes warganegara China yang dilaporkan positif pada 6 Februari 2020 (kes positif ke-14).

"Mengambil kira kes terbaru ini adalah kontak rapat kepada kes terbabit, beliau diarahkan tidak ke mana-mana bagi menjalani perintah pengawasan dan pemantauan."

"Ujian pengesahan dan pengesahan koronavirus baharu dibuat dan dilaporkan positif pada 7 Februari 2020."

"Beliau kini dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Kuala Lumpur dan berada dalam keadaan stabil," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai situasi terkini jangkitan koronavirus baharu dan pengesahan kes baharu di Malaysia di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Ke-

sihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Dr Wan Azizah berkata, satu kes iaitu kes ke-6, diisraf dari Hospital Langkawi pada 4 Februari lalu selepas dua ujian ulangan pengesahan jangkitan koronavirus baharu adalah negatif.

Beliau berkata, satu kes iaitu kes ke-4 menunggu keputusan ujian ulangan ketiga apabila ujian pertama dan kedua negatif.

Menurutnya, kes berkenaan menerima rawatan menggunakan ubat antiretro-

**Beliau kini dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Kuala Lumpur**  
Dr Wan Azizah

viral iaitu ubat digunakan untuk merawat pesakit yang dijangkiti oleh *human immunodeficiency virus* (HIV).

"Selain itu, enam kes iaitu kes pertama, ke-3, ke-5, ke-7, ke-8 dan ke-10 menjalani ujian ulangan pertama pengesahan jangkitan koronavirus baharu di dapat negatif," katanya.




**AKHBAR : METRO AHAD**  
**MUKA SURAT : 36**  
**RUANGAN : SIHAT**

36 | SIHAT

METRO AHAD  
9 FEBRUARI 2020

FOTO DAN VIDEO: KHAIRUL AZHAR AHMAD

# SIHAT



## SASAR PARU-PARU UNTUK MEMBIAK

Virus koronavirus baharu memerlukan sel pada organ manusia untuk bergiat aktif



MESIN pengimbas suhu badan untuk mengenal pasti individu mempunyai simptom wabak koronavirus baharu.

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin  
asyikin.mat@hmetro.com.my

laitu membekalkan oksigen ke badan manusia.

Ini mengakibatkan komplikasi lebih teruk sehingga boleh menyebabkan kematian.

Pakar Perunding Perubatan Dalaman dan Penyakit Berjangkit, Dr Muhamad Yazli Yuhana berkata, kod genetik koronavirus baharu ini hampir sama dengan kod Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) korona virus pada 2002.

"Pasakit yang dijangkiti SARS turut mengalami gejala sama laju demam berpanjangan dan keradangan paru-paru yang menyebabkan kesukaran bernafas."

"Pasakit memerlukan mesin bantuan pernafasan kerana paru-parunya tidak mampu berfungsi secara optimum untuk membekalkan oksigen ke

Wabak koronavirus baharu diklasifikasi sebagai sangat patogenik (boleh menyebabkan kesan teruk) kerana komplikasinya bukan sekadar deram selesema biasa, tetapi mampu menyebabkan radang paru-paru yang boleh mengakibatkan kematian.

Ini kerana, berdasarkan penemuan sehingga kini, mutasi pada virus baharu itu menyasarkan sel organ paru-paru sebagai tempat membiak dan secara tidak langsung membunuh sel dalam organ berkenaan.

Apabila sel paru-paru cedera dan mati (gagal berfungsi), ia menyebabkan paru-paru secara keseluruhan tidak dapat menjalankan fungsi asasnya

## AKHBAR : METRO AHAD

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : SIHAT

0 AHAD  
FEBRUARI 2020

SIHAT | 37

ruh badan," katanya. "Dr Muhamad Yazli berkata, ngga kini, wabak itu mencayai menjangkiti vidu lain menerusi air dan mulut ketika bersin batuk yang dilepaskan ikit di sekelilingnya iaitu um jarak kurang dua meter. Melalui pengalaman lepas wabak SARS-CoV-MERS-CoV sebelum ini, menjelaskan wabak koronavirus baharu turut memberi risiko lebih tinggi kepada petugas barisan dan pegawai perubatan, walaupun juga ahli keluarga yang sentiasa mendampingi ta menjaga pesakit di rumah.

"Rakyat Malaysia dan jara lain yang tidak netap di Wuhan atau mana-mana bahagian di sana tidak perlu gusar serta nik."

"Ini kerana risiko mereka mendapat jangkitan ini adalah rendah melainkan ia mengunjungi negara terkenaan atau berada dekatkan pesakit yang membawa virus ini," katanya. Menurut Dr Muhamad Yazli, tidak dinasihatkan untuk mengikuti wabak ini melalui utangan diimport dari China. "Tidak perlu bimbang kerana tiada bukti menunjukkan wabak ini menjangkiti manusia melalui irangan dan Pertubuhan Sihat Dunia (WHO) itu memberikan jaminan sekara itu."

"Virus koronavirus baharu ini memerlukan sel pada organ manusia seperti paru-paru untuk terus hidup dan ergiat aktif. "Virus ini tidak mampu berada lama pada suhu terlampau sejuk, contoh etika penghantaran dalam enerbangsa," katanya.

Menurut Dr Muhamad Yazli, koronavirus seperti influenza dan virus pernafasan lain yang sudah ada wujud, tetapi hanya menyebabkan penyakit biasa atau demam dan selesesa niaga. Katanya, virus korona ini mula mendapat perhatian nasayarakat dunia apabila SARS koronavirus melanda selatan China pada 2002.

"Sebelum ini, penyakit koronavirus lebih kerap menjangkiti haiwan dan sebab itu tidak banyak kajian ke atas virus berkenaan dibuat kerana kurangnya jangkitan serius pada manusia."

"Namun, apabila SARS muncul pada 2002, saintis menemui mutasi unik pada virus koronavirus ini yang mengakibatkan penyakit membawa mat pada manusia," katanya.

Dr Muhamad Yazli



berkata, ketika penularan SARS, kerajaan China mengambil langkah mengawal penularan pada haiwan pembawa virus ini dan ia mengekang penularannya sehingga hari ini.

Menurut Dr Muhamad Yazli, pada 2012, muncul pula wabak MERS-CoV iaitu sejenis virus korona yang bermutasi yang turut mampu menyebabkan kematian.

Insiden itu mendorong lebih ramai saintis membuat kajian mengenai virus



ORANG ramai memakai penutup mulut dan hidung di tempat awam.

## INFO

## KORONAVIRUS BAHARU

- Keluar virus yang menyebabkan pelbagai penyakit daripada seleme hingga penyakit lebih teruk seperti SARS dan MERS-CoV.
- Merujuk spesies baharu yang belum ditemui manusia.

## PENGEBALIAN

- Kerap cuci tangan
- Menutup mulut dan hidung ketika batuk juga bersin.
- Masak daging dan telur dengan sempurna.
- Elak bersentuhan dengan individu yang mempunyai gejala terabit.

## CARA JANGKITAN

- Air tisian mulut ketika bersin dan batuk pada jarak jangkitan kurang dua meter.

## GOLONGAN PALING BERISIKO

- Petugas perubatan laju pegawai perubatan dan jururawat.
- Ahli keluarga tinggal serumah dengan pesakit.

## SIMPTON

- Demam berpanjangan.
- Sesak nafas.
- Radang paru-paru.

## RISIKOTON

- Rawatan sokongan.
- Mesin bantuan pernafasan - pesakit mengalami kesukaran pernafasan.
- Memasukkan air dalam badan pesakit - pesakit kekurangan air.
- Belum ada ubat khas merawat jangkitan ini [namun kajian sedang rancak dijalankan].

terabit.

"Sehingga kini, MERS-CoV masih wujud walaupun tidak banyak kes berlaku disebabkan ada jangkitan daripada una dan kelawar di negara Asia Barat.

"Sukar hendak bunuh semua haiwan ini. Bagaimanapun, pada penghujung tahun lalu, satu lagi virus daripada keluarga koronavirus muncul iaitu koronavirus baharu yang menjadi ancaman baharu terhadap kesihatan manusia," katanya.

Jelasnya, berdasarkan pemerhatian hingga hari ini, kadar kematian yang dilaporkan tidak setinggi wabak SARS dan MERS-CoV sebelum ini.

"Ini kerana, setakat ini (minggu lalu), hanya 400 atau 0.02 peratus pesakit daripada keseluruhan kes wabak itu meninggal dunia."

Berdasarkan perspektif saya, terlalu awal mengatakan pesakit meninggal dunia kerana koronavirus baharu, tetapi mungkin kekurangan mesin bantuan pernafasan di hospital menyebabkan mereka meninggal dunia," katanya.

Dr Muhamad Yazli berkata, walaupun trend kematian wabak koronavirus baharu adalah rendah dan tidak seterus SARS serta MERS-CoV, tetapi trend berjangkit lebih tinggi daripada dua penyakit ini.

**Pesakit yang dijangkiti SARS turut mengalami gejala sama iaitu demam berpanjangan dan keradangan paru-paru yang menyebabkan kesukaran bernafas. Pesakit memerlukan mesin bantuan pernafasan kerana paru-parunya tidak mampu berfungsi secara optimum untuk membekalkan oksigen ke seluruh badan**

**DR MUHAMAD YAZLI**

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

8

## ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

AHAD 9 FEBRUARI 2020 • SINAR HARIAN

Laporan RAIHAM MOHD SANUSI, NOR HANAFARIZA HARUN dan AHMAD ISMADI ISMAIL

# Seorang lagi pelancong China positif koronavirus

Jumlah mangsa yang positif virus itu di Malaysia meningkat kepada 16 kes

PUTRAJAYA

**S**orang lagi pelancong China disahkan positif koronavirus menjadikan jumlah mangsa yang positif virus itu di negara ini meningkat kepada 16 kes semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, wanita berusia 67 tahun itu merupakan ibu kepada rakan seorang warga China yang disahkan positif pada 6 Februari lalu (kes ke-14).

"Dia disahkan positif wabak itu semalam (6 Februari) selepas menjalani ujian pengesahan dan pengesahan koronavirus.

"Warga emas itu kini dimasukkan di wad isolasi di Hospital Kuala Lumpur dan berada dalam keadaan stabil," katanya pada sidang media di sini semalam.

Dr Wan Azizah berkata, pertambahan kes baru itu menjadikan jumlah pelancong China dijangkiti koronavirus bertambah kepada 12 kes, manakala empat lagi kes melibatkan rakyat tempatan.



Wan Azzah (tengah) pada sidang media di Putrajaya semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, satu kes iaitu kes keenam telah didiscaj dari Hospital Langkawi pada 4 Februari lalu setelah dua ujian ulangan pengesahan jangkitan koronavirus yang dilakukan adalah negatif.

"Kes keempat pula sedang menunggu keputusan ujian-ulangan ketiga di mana ujian pertama dan kedua adalah negatif. Kes ini telah menerima rawatan dengan menggunakan obat antiretroviral.

"Ubat antiretroviral merupakan ubat yang digunakan untuk merawat pesakit yang dijangkiti *human immunodeficiency virus* (HIV)," katanya.

Menurutnya, kes keempat itu mempu-

nyai jangkitan radang paru-paru dan pihak hospital telah memulakan rawatan ubat antiretroviral ke atasnya dan pesakit dapat memberi respons yang baik kepada ubat itu.

Katanya, mangsa akan dibenarkan pulang selepas keputusan ujian ulangan ketiga diperoleh dalam masa terdekat.

"Bagi empat warga Malaysia yang dikesan positif jangkitan koronavirus ini, ujian ulangan akan dilakukan dalam tempoh terdekat.

"Kesemua 15 pesakit ini masih dalam rawatan dan pemantauan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan berada dalam keadaan stabil," katanya.

Pas khas untuk pelancong China terkandas

**PETALING JAYA** - Pelancong warga China yang mempunyai masalah kesihatan atau gagal mendapatkan penerbangan keluar dari negara ini akan diberikan pas khas selepas mendapat perakuan daripada Keduduaan Besar China.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen), Datuk Khairul Dzaimee Daud berkata, ia susulan tindakan sekatan perjalanan yang dikenakan terhadap pelancong dari Wilayah Huibe termasuk Wuhan, China akibat penularan wabak koronavirus.

"Visa mereka tidak akan dilanjutkan kecuali mempunyai masalah kesihatan atau gagal mendapatkan penerbangan keluar.

"Mereka (pelancong) mestи datang ke pejabat imigresen dengan membawa tiket penerbangan keluar dan mendapat perakuan daripada Keduduaan China untuk memohon pas khas berkenaan," katanya pada di sini semalam.

Beliau berkata, peraturan itu mula berkuat kuasa sejak 27 Januari lalu.

"Mereka yang menerima pas khas akan diberi tempoh selama dua minggu atau 30 hari mengikut tarikh penerbangan keluar," katanya.

## Bank Rakyat tawar penangguhan sementara pembentukan pelanggan

**KUALA LUMPUR** - Bank Rakyat mengambil inisiatif untuk membantu pelanggan yang menghadapi isu kewangan akibat wabak novel koronavirus dengan menawarkan penangguhan sementara terhadap pembentukan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Rosman Mohamed berkata, pelanggan perlu tampil mendapatkan bantuan di mana-mana cawangan Bank Rakyat untuk menangani masalah kewangan yang dihadapi bagi memastikan kelangsungan perniagaan mereka.

"Kami menyedari bahawa sesetengah pelanggan terutamanya mereka yang berada dalam industri keusahawanan dan koperasi mungkin terjejas disebabkan oleh jenis perniagaan yang memerlukan mereka untuk pergi ke negara dianggap berisiko tinggi disebabkan oleh penularan wabak koronavirus.

"Sehubungan itu, kami berharap inisiatif ini dapat membantu mengurangkan kesan kewangan akibat pe-

nularan wabak tersebut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, inisiatif itu juga merupakan sebahagian usaha Bank Rakyat untuk memastikan kelestarian terhadap pembentukan pelanggan dengan menguruskannya secara berkesan, sejajar status institusi kewangan itu sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

"Kami menghargai hubungan jangka panjang dengan para pelanggan kami dan sentiasa berkerja rapat dengan mereka untuk menyokong keperluan kewangan mereka dalam pelbagai situasi yang berbeza.

"Ini merupakan waktu yang mencabar bagi komuniti dan ekonomi global. Kami sentiasa memikirkan mereka yang terjejas akibat penularan koronavirus ini," katanya.

Untuk sebarang maklumat atau bantuan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan tele-Rakyat di talian 1-300-80-5454 atau mengunjungi cawangan berdekatan.

## Amal 'salam cara Malaysia' elak jangkitan

**IPOH** - Orang ramai disaran mengelakkan bersalaman secara sentuhan dan sebaliknya mengamalkan 'salam cara Malaysia' iaitu meletakkan tangan di dada sebagai langkah pencegahan bagi mengurangkan penularan koronavirus.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, cara berkenaan perlu diberi perhatian berikutkan virus itu boleh berjangkit melalui sentuhan.

"Apabila berhadapan pesakit yang batuk, dalam jarak 0.9 meter kemungkinan cecair itu boleh membawa jangkitan dan kuman.

